



## CAJ-CAJ PERKHIDMATAN PERUBATAN

Tarikh kemaskini: 14.2.2016

Disediakan oleh:-

Unit Hasil/BDM  
Hospital Sultanah Aminah  
Johor Bahru

Tel:-07-2257000  
Fax:-07-2271499

### PESAKIT MASUK WAD

Pesakit yang dimasukkan kedalam hospital adalah dikehendaki membayar deposit.

### DEPOSIT

Warganegara Malaysia			
Jenis Rawatan	Kelas 1 (RM)	Kelas 2 (RM)	Kelas 3 (RM)
Perubatan	700.00	200.00	20.00
Pembedahan	1100.00	400.00	30.00
Sakit Puan	800.00	350.00	15.00
Warganegara Asing			
Jenis Rawatan	Kelas 1 (RM)	Kelas 2 (RM)	Kelas 3 (RM)
Perubatan	2100.00	900.00	600.00
Pembedahan	3300.00	1500.00	1200.00
Sakit Puan	2100.00	1500.00	1200.00

\*Resit bayaran deposit hendaklah disimpan untuk tujuan bayaran balik ( sekiranya ada ).

### CAJ-CAJ WAD

Kelas Wad	Caj Sehari		
	Awam/ Swasta	Kerajaan/ Pesara	Wn. Asing
1 (1 katil)	80.00	Percuma	320
1 (2 katil)	60.00	Percuma	240
1(4katil/lebih)	40.00	Percuma	200
2	20.00	Percuma	180
3	3.00	Percuma	160
Icu/ccu (dewasa)	-	-	360
Icu/ccu (kanak)	-	-	300
Nurseri	-	-	60
Nurseri rawatan khas	-	-	140
Nurseri dgn inkubator	-	-	170
Bilik Bersalin	-	-	200

-Caj wad bagi kakitangan kerajaan adalah Percuma mengikut kelayakan. Sekiranya tinggal di wad yang lebih tinggi dari kelayakan, caj wad akan dikenakan bagi diri/ keluarga mengikut Perintah Am Bab F.

-Anak kakitangan kerajaan/ pesara yang masih belajar dan berumur 18 – 21 tahun perlu mengemukakan surat dari institusi tempat belajar untuk melayakkan penggunaan GL ibu/bapa.

### CAJ-CAJ RAWATAN

Kelas Wad	Caj Sehari Bagi Seorang Pesakit		
	Awam/ Swasta	Kerajaan/ Pesara	Wn. Asing
Semua Kelas 1	10.00	Percuma	100.00
2	5.00		
3	Percuma		

\*Caj-caj siasatan dan prosedur mengikut kadar kelas wad yang diduduki.

#### Peringatan :-

Pesakit yg pada mulanya masuk wad kelas rendah dan kemudian dipindahkan ke wad kelas yang lebih tinggi atas permintaan sendiri, dikehendaki membayar semua caj, selain dari caj wad mengikut kadar kelas yang lebih tinggi, dari hari dia mula dimasukkan ke hospital.

### SURAT JAMINAN

#### Anggota Kerajaan

- Sila pastikan HRMIS dikemaskinikan untuk tujuan semakan e-GL.
- Akan dimasukkan ke wad kelas 3 jika tiada surat jaminan jabatan atau e-GL.

#### Pesara

- Hendaklah mengemukakan kad pesara atau lain dokumen yang berkaitan.
- Akan dimasukkan ke wad kelas 3 jika tiada kad pesara atau dokumen berkaitan.

#### Swasta (Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan.)

- Hendaklah mengemukakan surat Jaminan yang asal dan lengkap.
- Akan diminta membayar deposit jika tiada surat jaminan syarikat.

#### Awam

- Bagi pesakit lain, surat Akuan murid sekolah, kad penderma darah, kad JKM boleh digunakan.

## KAEDAH BAYARAN

- I) Tunai
- II) Bank Draf, wang pos & Kiriman wang berpaling atas nama "Pengaruh Hospital Sultanah Aminah". Cek Persendirian tidak diterima.
- III) Pekerja Swasta/ estet  
-Bagi bil yang kurang daripada RM 50.00 hendaklah dibayar sendiri oleh Pesakit/ Waris.

**\*Sila pastikan bil hospital diperolehi semasa discaj dan dibayar sebelum pulang. Resit rasmi pembayaran akan dikeluarkan sebaik sahaja pembayaran dibuat.**

## WAKTU URUSNIAGA

Pendaftaran Masuk Wad : 24 jam  
Bayaran Bil Hospital : 24jam

## BAYARAN BALIK DEPOSIT

Deposit secara tunai akan dibayar balik secara tunai. Bayaran balik deposit pada waktu pejabat sahaja.

**AHAD-RABU - 8.00 pg hingga 1.00 tgh  
2.00 ptg hingga 4.30 ptg**

**KHAMIS - 8.00 pg hingga 1.00 tgh  
2.00 ptg hingga 3.15 ptg**

## MENUNTUT BAYARAN BALIK DEPOSIT (REFUND)

Kemukakan dokumen-dokumen berikut :-

1. Resit asal bayaran deposit. Jika resit asal didapati hilang sila dapatkan akuan sumpah di Suruhanjaya Sumpah berkenaan resit yang hilang tersebut.
2. Bil Hospital.
3. Surat yang mengesahkan alat otopedik telah diserahkan ke Hospital daripada pihak wad yang berkenaan jika bayaran deposit dibuat untuk alat tersebut.
4. Kad pengenalan/passport
5. Surat perwaklian (jika yang menuntut bukan pembayar seperti di resit pembayaran)

## PESAKIT LUAR PAKAR

Fi pesakit luar am/pakar :  
merangkumi pendaftaran, perundingan dan ubat. Tidak termasuk fi rawatan, fi ujian makmal, fi siasatan dan fi implan/prostesis yang perlu dikenakan caj berasingan.

## CAJ-CAJ

### Warganegara

#### i) Dirujuk oleh Pegawai Perubatan Kerajaan

- Percuma bagi lawatan pertama
- RM5.00 bagi setiap lawatan susulan termasuk segala siasatan dan rawatan

#### ii) Dirujuk oleh Pengamal Persendirian

- RM30.00 bagi lawatan pertama tidak termasuk caj siasatan.
- RM 5.00 bagi setiap lawatan susulan tidak termasuk caj siasatan.
- Caj siasatan dikenakan mengikut kadar kelas 1.

#### iii) Kes "follow-up" setelah keluar wad

- RM5.00 bagi setiap lawatan termasuk segala siasatan.

### Bukan Warganegara

- **Jabatan Pesakit Luar Pakar** :  
RM 120.00 tidak termasuk caj siasatan dan rawatan
- **Jab.Kemalangan dan Kecemasan:**  
RM 100.00 tidak termasuk caj siasatan dan rawatan
- Caj siasatan dan rawatan mengikut kadar dalam Perintah Fi Perubatan (Pindaan) 2014.

## CAJ RAWATAN HARIAN (DAY CARE)

Penjagaan harian adalah penjagaan pesakit yang dimasukkan ke unit rawatan harian di hospital atau pusat rawatan khas, bagi tempoh kurang daripada dua puluh empat jam atas rujukan oleh pegawai perubatan bagi prosedur perubatan termasuk untuk tujuan pencegahan, penyiasatan, terapi dan rehabilitasi.

### Warganegara

- i) **Dirujuk oleh Pegawai Perubatan**  
Caj wad kelas 3 (RM3.00) + caj prosedur atas kadar kelas 3
- ii) **Dirujuk oleh Pengamal Persendirian**  
Caj wad kelas 3 (RM3.00) + caj prosedur atas kadar kelas 1

### Bukan Warganegara

**Caj wad Kelas 3 + caj rawatan + caj prosedur mengikut kadar Perintah Fee (Pindaan) 2014 (RM160.00 + RM100.00 + Caj Prosedur).**

## SOALAN LAZIM –CAJ BERSALIN

1. **Soalan:** Berapa anggaran caj bersalin biasa wad kelas pertama bagi Warganegara Malaysia?

**Jawapan:** Anggaran RM 450.00 +-

2. **Soalan:** Berapa anggaran caj bersalin biasa wad kelas tiga bagi Warganegara Asing?

**Jawapan:** Anggaran RM3,300.00 +-

3. **Soalan:** Bolehkan wad bersalin kelas pertama dibuat tempahan awal?

**Jawapan:** Kemasukan ke wad bersalin kelas pertama, hanya dibuat ketika pendaftaran, bergantung kepada kekosongan.